

18 NOV 1999

Mahathir-Zhu Rongi

BN TIDAK PERLUKAN SOKONGAN ASING UNTUK MENANG PILIHAN RAYA, KATA DR M

PUTRAJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penyandang kerajaan Barisan Nasional tidak memerlukan sebarang bantuan asing untuk kekal berkuasa pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

Beliau menyangkal dakwaan DAP bahawa BN akan menggunakan lawatan Perdana Menteri China Zhu Rongi ke Malaysia minggu depan untuk memenangi undi pemilih Cina.

"Jika beliau (setiausaha agung DAP Lim Kit Siang) mencadangkan bahawa saya memberitahu Perdana Menteri Zhu Rongi bahawa tolonglah datang dan sokong saya...kita tidak minta sokongan asing untuk menang pilihan raya kita," katanya kepada para editor tempatan di pejabatnya di sini hari ini.

"Beliau (perdana menteri China itu) adalah sahabat yang dihargai. Saya boleh meluangkan masa jadi saya tidak fikir kenapa saya patut (membatalkan pertemuan dengannya)," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata memandangkan rakan sejawatannya itu dalam perjalanan ke Manila untuk menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean, beliau tidak mahu menjejaskan jadual Zhu Rongi "dengan mengatakan saya sedang mengadakan pilihan raya."

"Jika beliau mahu datang, kita bersedia menyambutnya. Tentunya kita perlu memendekkan program tertentu tetapi mereka agak puashati menerimanya," kata Dr Mahathir.

Zhu Rongi dijadual melawat Malaysia bermula Isnin sebagai sebahagian daripada kunjungannya ke rantau ini sebelum menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Manila bermula 24 Nov.

-- BERNAMA

MOK AZZ RON